

Punca pencemaran LRA Sungai Semenyih sedang dikesan

KOSMO
26/09/2016

KUALA LUMPUR - Siasatan untuk mengesan punca utama pencemaran di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih masih sedang dijalankan di kawasan Hi-Tech Semenyih.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Air Selangor, Amin Lin Abdullah berkata, penyiasaan untuk mengenal pasti punca pencemaran itu sedang dilaksanakan bersama Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

"Sehingga kini, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas), LUAS dan JAS sedang menumpukan siasatan di kawasan Hi-Tech Semenyih," katanya menerusi aplikasi WhatsApp di sini semalam.

Semalam *Kosmo!* Ahad melaporkan LRA Sungai Semenyih terpaksa ditutup pada Jumaat lalu bermula pukul 1.30 petang sebelum dibuka semula pada pukul 2.30 petang kelmarin ekoran pencemaran Sungai Semenyih yang dipercayai berpunca daripada sebuah kawasan perindustrian di Sungai Lalang.

Penutupan loji air tersebut telah menjejaskan bekalan air di daerah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang.

Mengulas lanjut, Amin Lin memberitahu, sehingga petang semalam, hampir 50 peratus daripada kawasan terlibat telah



KERATAN *Kosmo!* semalam.



AMIN LIN



HAFIZAN

mendapat bekalan air. "Bekalan air ke kawasan terlibat akan pulih secara berperingkat dan Syabas akan terus menghantar bekalan air ke premis yang memerlukan bantuan," ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur, Universiti Sultan Zainal Abidin, Prof. Madya Dr. Hafizan Juarhir berkata, pencemaran air Sungai Semenyih yang berlaku disebabkan pembangunan pesat

di kawasan itu.

"Pencemaran sisa pepejal dan kimia terutamanya daripada kawasan perindustrian yang tidak dikawal menyebabkan Sungai Semenyih tercemar.

"Keadaan ini diburukkan lagi dengan kurangnya penguatkuasaan," katanya kepada *Kosmo!*

Selain itu, Hafizan berkata, sumber air yang tercemar boleh mengakibatkan pelbagai penyakit seperti gatal-gatal pada kulit, pedih mata dan sakit perut apabila di minum oleh orang ramai.